

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG  
(RASAH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 12.03.2018**

**Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) mengapakah Kerajaan masih lagi tidak campur tangan untuk menstabilkan harga petrol untuk mengurangkan impak terhadap kenaikan harga barang yang membebankan rakyat; dan

(b) berapakah jumlah perbelanjaan yang dapat dijimatkan sejak subsidi petrol dihapuskan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

a) Penentuan harga runcit petrol dan diesel di Malaysia adalah berdasarkan kepada mekanisme pengapungan harga terkawal

(*managed float*) yang telah dilaksanakan sejak Disember 2014. Mekanisme ini bermula dengan pengapungan secara bulanan dan kemudian ditukar kepada pengapungan secara mingguan pada Mac 2017. Pelaksanaan mekanisme ini merupakan salah satu langkah rasionalisasi subsidi yang dilaksanakan sejak tahun 2013 yang bertujuan mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal kepada subsidi yang bersasar. Kaedah ini bagi memastikan perbelanjaan subsidi adalah lebih cekap, bersasar dan mengurangkan ketirisan.

Adalah kurang tepat jika peningkatan harga barang dikaitkan dengan kenaikan harga runcit petrol dan diesel serta langkah rasionalisasi subsidi. Hal ini kerana terdapat banyak faktor yang menentukan harga jualan barangan dan perkhidmatan, khususnya penyediaan makanan di sesebuah premis. Antaranya adalah kos sewaan premis, upah pekerja, kos bahan mentah, kemudahan seperti penghawa dingin, skrin layar besar dan hiasan dalaman premis. Kos ini adalah berbeza di antara satu lokasi dengan lokasi yang lain dan tidak bergantung semata-mata kepada kos bahan mentah dan bahan api seperti gas memasak di mana harga makanan didapati tidak turun apabila harga runcit bahan api berkurang.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bersepadu seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 yang lalu dalam usaha meningkatkan pendapatan dan menangani kenaikan harga terutamanya di kalangan golongan berpendapatan rendah.

Antara langkah menjana pendapatan rakyat adalah:

- Memperluas Program eRezeki, eUsahawan dan eLadang di bawah MDEC.
- Pinjaman mudah *Food Truck 1Malaysia (FT1M)* melalui Bank Rakyat dengan subsidi kadar faedah 4%.
- Program 1AZAM bagi meningkatkan pendapatan.
- Program Motosikal Tiga Roda di bawah FAMA, program mobilepreneur GiatMara dan program MyAGROSIS.
- Penggunaan aplikasi e-hailing oleh pemamdu teksi berdaftar sedia untuk membeli kereta baharu - geran RM5,000.
- Program BR1M diteruskan.
- Subsidi barangan, pengangkutan, elektrik dan tol.
- Menyediakan 50 Kedai Rakyat 1Malaysia 2.0 (KR1M 2.0) dengan menjual 5 barang keperluan asas dengan harga rendah

iaitu beras, gula, minyak, tepung dan gas LPG.

- Penyeragaman harga barang keperluan asas di Sabah dan Sarawak.
- Membangunkan Agrobazaar Malaysia dengan harga jualan agro lebih rendah.
- Program FAMA dan LKIM bagi memastikan stok makanan berpatutan.
- Memansuhkan kutipan tol mulai 1 Januari 2018 bagi Batu Tiga dan Sungai Rasau, Selangor; Bukit Kayu Hitam, Kedah; dan Eastern Dispersal Link, Johor.

Antara langkah meningkatkan pendapatan boleh guna pula adalah:

- Pengurangan kadar cukai pendapatan individu:
  - RM20,001 - 35,000: 5% ke 3%
  - RM35,001 - 50,000: 10% ke 8%
  - RM50,001 - 70,000: 16% ke 14%
- Langkah ini meningkatkan pendapatan boleh guna antara RM300 - RM1,000.

Selain itu, antara langkah bagi menangani kos sara hidup

85

adalah:

- Pemberian bantuan dan insentif untuk pesawah, pekebun kecil dan nelayan sebanyak RM600 untuk 3 bulan.
- Bantuan makanan, buku teks, geran kapita dan biasiswa kecil persekutuan.
- Bantuan persekolahan RM100 seorang.
- Skim Simpanan Pendidikan 1Malaysia (SSP1M) iaitu geran sepadan sehingga RM500 kepada pencarum.
- Bantuan khas kewangan pesara sebanyak RM750.
- Bantuan khas kewangan penjawat awam sebanyak RM1,500.
- Bantuan khas Tok Batin dan Ketua Kampung sebanyak RM1,500.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada awal Februari 2018, Kerajaan juga melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah melancarkan program Sentuhan Rakyat . Program yang berkonsepkan jualan mega "mesra rakyat" menawarkan harga jauh lebih rendah berbanding harga pasaran seterusnya memberikan peluang kepada rakyat mendapatkan barang keperluan harian pada

harga murah dan berkualiti. Sehingga kini, sebanyak 238 program telah diadakan di seluruh negara dengan pengunjung melebihi 1 juta orang. Antara barang keperluan yang dilihat mendapat sambutan yang luar biasa antaranya adalah ayam segar dan minyak masak.

Tuan Yang Di-Pertua,

b) Penjimatan yang diperoleh Kerajaan Persekutuan melalui langkah rasionalisasi subsidi bahan api iaitu dengan pelaksanaan sistem pengapungan terkawal (*managed float*) harga runcit petrol RON95 dan diesel adalah berjumlah kira-kira RM16 bilion pada tahun 2015. Sebahagian daripada penjimatan yang diperoleh tersebut disalurkan semula secara terus kepada kumpulan sasar dalam bentuk bantuan tunai seperti BR1M dan bantuan persekolahan, manakala sebahagian lagi digunakan untuk pembiayaan program dan projek pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat. Ini termasuk menyediakan peruntukan untuk perkhidmatan pendidikan dan kesihatan, pembangunan masyarakat di bandar dan luar bandar serta menambah baik sistem pengangkutan awam.

Langkah tersebut juga akan meningkatkan kecekapan perbelanjaan Kerajaan, seterusnya mengukuhkan kedudukan fiskal negara. Hal ini

87

adalah penting bagi memastikan kemapanan fiskal jangka panjang dan mengekalkan daya tahan ekonomi negara seterusnya memperkukuh kemampuan Kerajaan untuk melaksanakan langkah kitaran balas (*counter-cyclical measures*) dalam menyokong ekonomi sekiranya menghadapi krisis. Walaupun Kerajaan komited dalam langkah konsolidasi fiskal dan rasionalisasi subsidi, namun, kebajikan dan kepentingan rakyat tetap menjadi keutamaan.